

Headline	Tiga kaedah ihram ketika ibadat haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Jun 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	26	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,627
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,881



Tiga kaedah ihram ketika ibadat haji

■ Kaedah ihram haji dan umrah

Ihram ialah niat memasuki ibadat haji atau umrah ataupun kedua-duanya sekalii bersama pelaksanaan dan adab menyempurnakannya.

Kaedahnya secara ringkas, lelaki tidak boleh memakai pakaian berjihat. Hukumnya adalah wajib. Sebagai gantinya, dia boleh memakai sehelai kain dan selendang yang disunatkan berwarna putih.

Bagi wanita, mereka hanya diwajibkan membuka muka dan kedua-dua tapak tangannya berdasarkan hadis Nabi SAW diriwayatkan oleh al-Bukhari dan selainnya: "Wanita tidak menyelubungkan mukanya dan tidak boleh memakai kedua-dua sarung tangan."

Hadir ini adalah sebagai jawapan Baginda kepada soalan beberapa orang sahabat mengenai perkara yang wajib dipakai oleh

wanita sewaktu ihram haji. Wanita juga disunatkan menginaikan kedua-dua tapak tangannya sebelum berihram kerana dia perlu mendedahkannya.

Seterusnya, solat dua rakaat - hukumnya adalah sunat dan diniatkan dengan sunat ihram.

Kemudian, perlulah menunggu saat untuk memulakan perjalannya walau dengan apa kenderaan sekalipun.

Pada waktu itulah dia bermatiat ihram haji ataupun umrah (mengikut ibadat yang ingin dilakukan) di dalam hatinya.

(Nota: Secara praktiknya dan untuk lebih faham boleh mendapatkan panduan melalui kursus haji daripada pihak bertauliah seperti Tabung Haji).

Jemaah disunatkan melafazkan niat dengan lidahnya, kemudian dia berkata (ucapan talbiah): "Labbai-kallaahumma labbaik, labbaika laa syariika laka la-

bbaik, innal hamda wan-ni'mata laka wal mulk, laa syariika laka."

Maksudnya: "Kami datang kepada-Mu. Ya Allah! Kami datang. Kami datang kepada-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu. Kami datang. Sesungguhnya puji-pujian, nikmat dan kerajaan hanya untuk-Mu, tiada sekutu bagi-Mu."

Melafazkan niat dan talbiah hanyalah sunat. Apa yang wajib hanyalah niat di hati.

Apabila sudah melakukan semua perkara berkenaan, maka seseorang itu sudah mula melakukan ibadat haji atau umrah. Segala hukum dan kewajipan berkaitan (yang akan disebutkan) terpakai kepada-nya.

Sewaktu bermatiat ihram, jemaah haji boleh memilih salah satu daripada kaedah berikut:

1. **Berniat ihram haji saja.** Apabila selesai melaksanakan ibadat haji, dia pergi keluar sempadan Tanah

Haram untuk melakukan ihram umrah dan melaksanakan amalan umrah.

Ini adalah kaedah ihram haji paling afdal berdasarkan riwayat yang sahih daripada Jabir bahawa Nabi SAW berihram seperti itu. Dinamakan kaedah ini sebagai Ifrad.

2. Berniat ihram umrah.

Apabila selesai mengerjakan amalan umrah, dia ber tahallul. Kemudian dia melakukan ihram haji di Makkah ataupun di miqat yang dilakukan ihram umrah.

Kaedah ini dinamakan Tamattu' dan kedudukan afdalnya adalah selepas Ifrad.

3. Berniat haji dan umrah serentak.

Selepas itu, dia melaksanakan amalan haji. Dengan itu bermakna dia juga melakukan amalan umrah. Dia berhak mendapat ganjaran pahala kedua-duanya. Ia dinamakan Qiran dan kedudukan afdalnya selepas dua yang di atas. - **Sumber: Kitab Fiqah Mazhab Syafie**